

13/11/2000

DBKL tanam 150 pokok seminit

KUALA LUMPUR, Ahad - Sebagai menyahut matlamat kerajaan menjadikan Malaysia negara dalam taman menjelang 2005, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menanam 150 pokok serentak dalam masa seminit di Taman Rekreasi Keramat, Kampung Datuk Keramat, hari ini.

Timbalan Pengarah Bahagian Seni Taman DBKL, Mohd Amin Nordin Abdul Aziz berkata, program itu diadakan sempena kempen Penanaman Pokok Alaf Baru 2000 yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Taman Bukit Jalil pada 15 Oktober lalu.

"Program ini melengkapkan usaha kerajaan menjadikan Kuala Lumpur bandar dalam taman," katanya kepada pemberita pada Program Penanaman Pokok Alaf Baru 2000 kawasan Titiwangsa di sini, hari ini.

Beliau berkata, DBKL juga sedang membina tiga lagi taman awam baru iaitu di Taman Lembah Kiara, Taman Tun Dr Ismail dan Taman Metropolitan Batu di Jalan Ipoh.

(END)